

05 AUG 1998

DR MAHATHIR UCAP SELAMAT PULANG PADA PRESIDEN DJIBOUTI

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Presiden Hassan Gouled Aptidon dari Djibouti untuk mengucapkan selamat pulang kepada pemimpin negara Afrika itu yang sedang dalam rangka lawatan sembilan hari ke Malaysia.

Aptidon akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar esok.

Selepas itu, beliau mempunyai atur cara tidak rasmi sehingga Isnin ini apabila beliau dijadual pulang.

Aptidon dan Dr Mahathir telah mengadakan perbincangan Isnin lepas selain menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian antara Malaysia dan Djibouti.

Djibouti, yang terletak di bahagian timur Afrika, telah menawarkan untuk menjadi pintu masuk bagi barangan Malaysia ke wilayah yang mempunyai 130 juta penduduk itu.

-- BERNAMA

RAZ MAI